

AXCEL CETIRIZINE TABLETS

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Cetirizine Dihydrochloride (10mg)

APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

1. Apakah kegunaan Axcel Cetirizine Tablets.
2. Bagaimana Axcel Cetirizine Tablets berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Cetirizine Tablets.
4. Cara menggunakan Axcel Cetirizine Tablets.
5. Semasa menggunakan Axcel Cetirizine Tablets.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cetirizine Tablets.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

APAKAH KEGUNAAN AXCEL CETIRIZINE TABLETS

Axcel Cetirizine Tablets digunakan untuk rawatan simptomatik. Ia boleh digunakan untuk merawat

- Rinitis (keradangan membran mukus hidung) bermusim.
- Alergi rinitis perennial (berlaku sepanjang tahun).
- Urtikaria (ruam gatal yang timbul pada kulit) asal alergi.

BAGAIMANA AXCEL CETIRIZINE TABLETS BERFUNGSI

Cetirizine merupakan perencat histamina. Ia bertindak dengan pengikatan kompetitif terhadap reseptor H1 periferai.

SEBELUM MENGGUNAKAN AXCEL CETIRIZINE TABLETS

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi pada kandungan dalam produk ini.
- Jika anda mengandung pada 3 bulan pertama atau jika anda sedang menyusukan anak.
- Jika produk ini bukan dipreskripsikan oleh doktor/ahli farmasi yang bertaualiah kepada anda.

Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mengambil Axcel Cetirizine Tablets anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna
- Jika anda mengambil ubat-ubat lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Jika anda hamil atau menyusukan bayi.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, terutamanya:

- Ubat penenang.
- Alkohol atau ubat depresi sistem saraf pusat yang lain.

CARA MENGGUNAKAN AXCEL CETIRIZINE TABLETS

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak 12 tahun ke atas: 10mg satu kali sehari.

Kanak-kanak 6 hingga 11 tahun: 5mg 2 kali sehari atau 10mg satu kali sehari.

Bagi pesakit yang menghadapi masalah buah pinggang, dos harus dikurangkan kepada separuh dos harian.

Tablets: 1 tablet = 10mg, ½ tablet = 5mg.

Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Cetirizine Tablets.

Berapa lama perlu digunakan

Terus gunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu

untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Gelisah, rasa cepat marah dan mengantuk mungkin berlaku.
- Rawatan harus simptomatik atau menyokong.

Anda dinasihatkan supaya menghubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Axcel Cetirizine Tablets berlebihan.

SEMASA MENGGUNAKAN AXCEL CETIRIZINE TABLETS

Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Cetirizine Tablets.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Cetirizine Tablets dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati ketika mengambil ubat ini semasa hamil dan menyusukan bayi.
- Berhati-hati ketika melakukan aktiviti yang memerlukan kepekaan mental seperti memandu kereta atau mengendalikan mesin yang berpotensi berbahaya.

AXCEL CETIRIZINE TABLETS

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Cetirizine Dihydrochloride (10mg)

- Tidak disarankan untuk penggunaan pada kanak-kanak dibawah umur 2 tahun.

KESAN-KESAN SAMPINGAN

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Cetirizine Tablets boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Sakit kepala.
- Kepeningan.
- Mengantuk.
- Keresahan.
- Kekeringan mulut.
- Ketidakselesaan gastrousus.
- Simptom hipersensitiviti.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers -> Reporting*).

CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN AXCEL CETIRIZINE TABLETS

Penyimpanan

Jauhkan Axcel Cetirizine Tablets dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

Pelupusan

Jangan guna Axcel Cetirizine Tablets yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna produk

Axcel Cetirizine Tablets adalah tablet berwarna putih dan berbentuk bujur 10mm.

Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:

Cetirizine Dihydrochloride

Bahan Tidak Aktif:

Lactose, Corn starch, PVP K30, Sodium Starch Glycolate, Magnesium Stearate dan Isopropyl alcohol.

Nombor MAL

MAL20040892A

PENGILANG DAN PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD

No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

TARIKH KEMASKINI RiMUP

03/12/2014

NOMBOR SIRI

BPFK(R4/1)111114/00051